

JUDUL : Utusan Malaysia

TARIKH : 28 Mac 2022

UTUSAN MALAYSIA  
ISNIN • 28 MAC 2022

21

# Gaya

FOKUS



**ANTARA**  
**naskhah**  
**membicarakan**  
**tentang**  
**perubatan**  
**Melayu. Buku**  
**ini ada dalam**  
**koleksi Pusat**  
**Kebangsaan**  
**Manuskrip**  
**Melayu**  
**(PKMM),**  
**Perpustakaan**  
**Negara**  
**Malaysia.**



## Singkap rahsia cantik dalam naskah Melayu

Oleh HALINA MD. NOOR  
gaya@utusan@mediamulia.com.my

**R**AMAI mengimpikan untuk tampil cantik. Bagi memenuhi keinginan itu, ramai yang merujuk kepada perubatan barat dalam menjaga kecantikan serta kesihatan tetapi ramai yang kurang menyedari, nenek moyang kita sendiri iaitu orang Melayu sebenarnya juga sudah lama memiliki rahsia kecantikan dan kesihatan.

Semua rahsia ini tersimpan dalam naskhah perubatan Melayu yang mungkin jarang dibaca atau diterokai oleh generasi moden iaitu *Kitab Tib* atau dikenali juga sebagai *Kitab Tajuk Muluk*, *Kitab Ubat* dan *Kitab Mujarab*.

*Kitab Tib* adalah manuskrip perubatan bahasa Melayu yang wujud sejak abad ke-19 dan namanya adalah sempena manuskrip perubatan Arab terkenal karangan Ibnu Sina iaitu *Qanun fit-Tibb*.

Kitab ini mendedahkan bentuk perubatan pelbagai jenis penyakit menggunakan herba dan rempah ratus yang kebanyakannya terdapat di rumah kita atau dapur kita.

Antaranya cara merawat penyakit sembelit, senggut, penyakit kulit, wanita bersalin

“

**Nenek moyang kita dahulu sangat pintar dalam menjaga kesihatan dan kecantikan diri mereka. Jadi, tidak hairanlah mengapa orang tua-tua dulu tidak dimamah usia dan panjang umur.”**

serta penyakit mental seperti meroyan. Tidak terkecuali kaedah merawat penyakit mistik seperti gangguan makhluk halus, kerasukan serta jampi serapah untuk melembutkan hati.

Suatu salinan manuskrip ini disimpan di Pusat Manuskrip Perpustakaan Negara Malaysia dengan nombor MSS489.

Pengkaji Manuskrip Melayu, Prof. Madya Dr. Salmah Jan Mohd. Noor berkata, nenek moyang kita dahulu sangat pintar dalam menjaga kesihatan dan kecantikan. Jadi, tidak hairanlah mengapa orang tua-

tua dulu tidak dimamah usia dan panjang umur.

“Bila membincangkan perubatan Melayu, isunya sangat luas iaitu melalui kajian daripada hasil manuskrip Melayu itu sendiri dan hasil pemerhatian dalam cara perubatan yang diamalkan.

“Perubatan Melayu dikelompok dalam ilmu kepustakaan Melayu yang membincangkan tentang kepintaran orang Melayu itu sendiri,” katanya ketika bercakap mengenai membongkar rahsia sihat dan cantik menerusi Naskah Perubatan Melayu di Studio Siaran langsung Media Sosial Dewan Bahasa Dan Pustaka, baru-baru ini.

**ORANG** Melayu sebenarnya juga sudah lama memiliki rahsia kecantikan dan kesihatan. - GAMBAR HIASAN